

# **PARLIMEN**

# **MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan  
Jawab Lisan Harian Yang Tidak  
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARI RABU: 24 NOVEMBER 2010**

**CAWAIMGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 9 HINGGA 43 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8 [RUJUK  
PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

## **SOALAN 9**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO**

**[HULU RAJANG]**

**TARSKH**

**24 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Rancangan Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelancongan di Negeri Sarawak untuk beberapa tahun terdekat ini. Adakah Kerajaan mengambil tindakan pro-aktif dalam membangunkan potensi Tasik Bakun sebagai pusat tumpuan pelancongan dan jika ya, apakah rancangan-rancangan itu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan agensinya Tourism Malaysia sentiasa melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi untuk menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa untuk bercuti di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan untuk meningkatkan industri pelancongan di Negeri Sarawak adalah dirancang bersama di antara Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Warisan Negeri Sarawak serta Lembaga Pelancongan Negeri Sarawak, atau *Sarawak Tourism Board*, dengan izin. Selain itu, usaha untuk memantapkan lagi pembangunan industri pelancongan Sarawak juga digariskan di dalam Pelan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak, dengan izin, *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* di mana industri pelancongan merupakan salah satu daripada 10 industri yang diberi keutamaan dalam pelan pembangunan SCORE tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Sarawak mempunyai pelbagai produk dan destinasi pelancongan yang menarik dan unik untuk dikunjungi dan dialami sendiri oleh para pelancong tempatan dan antarabangsa. Negeri Sarawak kaya dengan kebudayaan di mana ianya mencerminkan pelbagai

etnik yang terdapat di Negeri Sarawak, ianya juga terkenal dengan produk Pelancongan Eko (*Eco Tourism*) seperti Taman Negara Gunung Mulu, Taman Negara Bako dan Gua Niah. Sarawak juga terdapat pelbagai tarikan pelancongan unik seperti Ikan Lumba-Lumba (*dolphin*) di Santubong, 22 kawasan memerhati burung atau *Important Bird Area*, dengan izin, Habitat Orang Utan di Semenggoh Nature Reserve, Taman Bunga Raflesia di Taman Negara Gunung Gading dan di Kampung Timurang serta program homestay yang mampu menarik para pelancong domestik serta antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai acara menarik juga dilaksanakan di Sarawak di mana ianya turut menjadi salah satu daya tarikan pelancong untuk datang ke Sarawak. Di antara acara-acara tarikan pelancong adalah:

- (i) Sarawak Regatta Kuching;
- (ii) Pesta Kaul Mukah;
- (iii) Rainforest World Music Festival;
- (iv) World Harvest Festival; dan
- (v) Miri International Jazz Festival.

Aktiviti mempromosikan juga dilaksanakan secara komprehensif oleh Tourism Malaysia bagi mempromosikan produk pelancongan Sarawak melalui media cetak dan media elektronik seperti:

- (i) Majalah-majalah pelancongan domestik seperti Majalah Libur dan Gaya Travel Guide;
- (ii) Pengiklanan di Papan siar luar (*BillBoard*)
- (iii) Lawatan Suaikenal Media (*Mega Fam*)\
- (iv) Laman Web rasmi Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia; dan
- (v) Mempromosikan produk pelancongan melalui risalah pakej percutian Cuti-Cuti 1 Malaysia.

Tourism Malaysia turut promosikan Malaysia secara keseluruhan, termasuk produk pelancongan di Sarawak di dalam dan luar negara melalui penyertaan di dalam MATTA Travel Fair, Malaysia Domestic Tourism Fair, Misi Jualan Domestik dan Cuti-Cuti 1 Malaysia Travel Fair; ITB Berlin; World Travel Mart di London; Arab Travel Mart di Dubai dan National Association of Travel Agents Singapore.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi kemudahsampaian pula, Sarawak kini menikmati jaringan penerbangan yang luas, dimana ianya merupakan salah satu faktor utama menggalakkan pelancong melawat Sarawak. Di antara syarikat penerbangan yang mempunyai laluan ke Sarawak adalah Malaysia Airlines, Air Asia, Royal Brunei, Tiger Airways dan Silk Air dari Singapura dan Batavia Air dari Indonesia.

Selain itu, pengangkutan darat turut menyumbang kedatangan

pelancong ke Sarawak melalui Miri dimana ianya juga sebagai hub utama untuk pelancong dari Brunei datang melancong ke Malaysia. Pekan Tebedu juga merupakan laluan darat utama bagi kedatangan pelancong dari Kalimantan, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan pembangunan Tasik Bakun adalah tertakluk kepada Kerajaan Negeri Sarawak, dan sekiranya Kerajaan Negeri ada perancangan serta keperluan untuk membangunkan infrastruktur kemudahan pelancongan di Tasik Bakun, Kementerian Pelancongan sedia mempertimbangkan permohonan daripada Kerajaan Negeri berdasarkan garis panduan and polisi semasa Kementerian.

**SOALAN NO. 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A DR. LEE BOON CHYE**

**TARIKH 24 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang dijangkiti Leptospirosis dan Melioidosis serta kadar kematian setiap tahun mulai 2006 sehingga kini.**

**Tuan Yang DiPertua,**

Penyakit Leptospirosis adalah endemik di negara-negara beriklim tropika termasuk di Malaysia, di mana kejadian kes dilaporkan berlaku dari semasa ke semasa. Berdasarkan rekod kes-kes yang dimasukkan ke hospital - hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan kes Leptospirosis dicatatkan bagi tahun 2006 adalah sebanyak 527 kes, 2007 sebanyak 949 kes, 2008 sebanyak 1263 kes dan 2009 sebanyak 1418 kes. Kadar kematian akibat Leptospirosis pula bagi tempoh tersebut adalah di antara 2.3% hingga 4.4%. Untuk pemantauan yang lebih berkesan, arahan berhubung notifikasi Leptospirosis telah dilaksanakan mulai 2 September 2010.

|

Manakala, penyakit Melioidosis adalah disebabkan oleh jangkitan bakteria *Burkholderia pseudomallei* yang hidup melata di tanah (*free- living saprophyte*). Kejadian kes melioidosis adalah jarang-jarang dilaporkan tetapi risiko untuk

berlaku jangkitan tetap ada dari semasa ke semasa, terutamanya, selepas hujan dan banjir kerana bakteria ini ada di merata tempat (endemik). Berdasarkan rekod kemasukan ke hospital - hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan kes melioidosis dicatatkan bagi tahun 2006 adalah sebanyak 155 kes, 2007 sebanyak 351 kes, 2008 sebanyak 373 kes dan 2009 sebanyak 664 kes.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Terdapat beberapa faktor yang mungkin menyumbang kepada peningkatan kes seperti meningkatnya kesedaran masyarakat dan pengalaman perubatan sendiri serta kemudahan makmal dan diagnosis yang lebih baik. Di samping itu, pesakit yang mempunyai gejala jangkitan penyakit Leptospirosis dan Melioidosis ini boleh dirawat dengan antibiotik sedia ada sekiranya mereka mendapat rawatan awal.

**SOALANNO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG  
[ LAWAS ]

**TARIKH** : **24 NOVEMBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG (LAWAS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah Jambatan Sungai Pendaruan (*the missing link*) di Lebuhraya Pan Borneo dilaksanakan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Jambatan Sungai Pandaruan yang menghubungkan Limbang di Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam merupakan antara skop projek Menaik Taraf Jalan Raya di Sepanjang Laluan Miri, Sarawak ke Kota Kinabalu, Sabah yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe- 10). Cadangan pembinaan Jambatan Sungai Pandaruan dengan anggaran kos RM25 juta ini melibatkan pembinaan sebuah jambatan konkrit sepanjang 70 meter dan 3 span dan pembinaan jalan tuju, bertujuan menggantikan

perkhidmatan feri sedia ada. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada persetujuan bilateral antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei Darussalam. ~~SERITABU PERTANIAN~~ ini sedang menunggu pengesahan dari Kementerian Luar Negara mengenai cadangan projek tersebut, di samping kelulusan peruntukan RMKe-10 dari Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

SJ.B/(68)

DARIPADA                    TUAN CHONG CHIENG JEN  
                                [BANDAR KUCHING]  
PERTANYAAN :              PEMBERITAHU  
                                [ISAM]  
                                DEWAN RAKYAT,  
TARIKH                        MALAYSIA  
                                24.11.2010

(C)

24/11/10

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapa pihak kastam mula mengutip cukai jualan atas botol plastik air minuman mineral daripada pengilang-pengilang air minuman mineral di Sarawak walaupun cukai jualan itu tidak dikenakan atas pengilang-pengilang di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, botol plastik tertakluk kepada cukai jualan pada kadar 10%. Oleh yang demikian, syarikat yang mengilang botol plastik perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972. Bagi pengilang botol plastik yang tertakluk kepada cukai jualan, mereka layak mendapat bahan mentah bagi tujuan pengilangan tersebut tanpa cukai jualan. Dengan itu, Kastam mengutip cukai jualan ke atas botol plastik berkenaan walaupun botol tersebut digunakan untuk mengisi barang yang tidak bercukai jualan seperti air mineral.



Bagi kes di Sarawak, syarikat yang membotol air mineral juga merupakan syarikat yang mengilang botol plastik. Walaupun membotol air mineral tidak dikenakan cukai jualan, namun botol yang dikilangkan itu mesti dikenakan cukai jualan. Dalam hal ini, syarikat tersebut perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 sepetimana termaktub di bawah Seksyen 13 dan membayar cukai jualan di bawah Seksyen 22 Akta yang sama ke atas botol plastik yang dikilangnya.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Jabatan Kastam mendapati syarikat yang membotol air mineral di Sarawak tidak melesenkan aktiviti pengilangan botol plastik mereka. Oleh yang demikian, Jabatan Kastam perlu mengutip cukai jualan ke atas botol plastik tersebut, baik di Sarawak maupun di Semenanjung Malaysia. Menurut kenyataan Yang Berhormat bahawa pengilang serupa di Semenanjung Malaysia tidak dikenakan cukai jualan ke atas botol plastik itu, semakan yang dilakukan menunjukkan keadaan tersebut tidak berlaku oleh sebab syarikat-syarikat tersebut sebenarnya telah dilesenkan dan membayar cukai jualan ke atas botol plastik yang digunakan untuk membotol air mineral yang tidak dikenakan cukai jualan.

Soalan No : 13

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN  
(KOTA BELUD)

TARIKH 24.11.2010

**SOALAN:**

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [ KOTA BELUD ] minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memulihara bahasa etnik memandangkan ianya semakin pupus dan jarang diguna pakai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil tindakan untuk memulihara bahasa etnik atau bahasa sukuan di negara kita yang semakin jarang dipakai agar tidak pupus. Tindakan ini telah dilaksanakan melalui Pelan Induk Bahasa Sukuan DBP yang meliputi program penyelidikan, penerbitan dan pembangunan pangkalan data bahasa sukuan.

Antara projek dan aktiviti yang dilaksanakan oleh DBP termasuklah Penerbitan Kamus, Penerbitan Glosari Leksikal, Pengumpulan/Penyelidikan Data Umum Bahasa Sukuan, Penyerapan Data Umum Bahasa Sukuan ke dalam Bahasa Melayu, Pangkalan Data Bahasa Sukuan, dan Penerbitan Daftar Kata Bahasa Sukuan.

Projek bahasa sukuan di Sabah dan Sarawak dilaksanakan secara khusus oleh DBP Cawangan Sabah dan DBP Cawangan Sarawak.

Rjm 84

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**


DARIPADA

**DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

**24.11.2010**

  
24/11/10

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah dana yang telah diberikan kepada Value CAP dari mula ditubuhkan sehingga sekarang untuk melabur di pasaran saham; dan
- (b) prestasi kedudukan untung rugi pelaburan itu sehingga masa kini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak penubuhan Valuecap Sdn Bhd (Valuecap) pada 16 Oktober 2002 sehingga tahun berakhir 31 Disember 2009, Valuecap telah diberi sumber dana untuk tujuan pelaburan berjumlah RM10.1 bilion di mana sejumlah RM5.1 bilion adalah dalam bentuk bon yang dibiayai oleh pemegang sahamnya iaitu Kumpulan Wang Persaraan

(Diperbadankan), Khazanah Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad manakala RM5 bilion lagi adaiah dalam bentuk pinjaman berjangka dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

2. Sejak penubuhannya, Valuecap berjaya mencatat prestasi kewangan yang memberangsangkan. Valuecap, secara konsisten, telah mencapai keuntungan dalam aktiviti pelaburannya di pasaran saham tempatan. Bagi tahun kewangan berakhir Disember 2009, Valuecap telah menjana pendapatan pelaburan sebanyak RM922 juta dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM372.7juta.

3. Dana pemegang saham bagi tahun kewangan berakhir Disember 2009 berada pada tahap RM5.05 bilion. Valuecap juga telah memulangkan dividen sekitar RM400 juta kepada pemegang-pemegang sahamnya hasil pulangan atas aktiviti pelaburannya sejak mula beroperasi.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUAABELAS  
TAHUN 2010

|            |   |
|------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN   |
| DARI PAD A | YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ<br>(SRI GADING) |
| TARIKH     | 24 NOVEMBER 2010                                    |
| SOALAN     | 15  |

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah kaedah segera pihak Kementerian dalam mengatasi masalah pembangunan infrastruktur di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan No: 16

Kementerian berpendapat bahawa pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di luar bandar mestilah mempunyai “*value for money*” dan menepati kehendak kumpulan sasar bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian. Setiap pelaksanaan projek infrastruktur mestilah dibuat perancangan dan kajian terlebih dahulu termasuk siasatan tapak seperti mengenalpasti status tanah, kesesuaian lokasi, kos projek serta keperluan sosio ekonomi bagi memberi impak kepada penduduk di kawasan luar bandar. Oleh itu, tiada kaedah segera pihak Kementerian dalam mengatasi masalah pembangunan infrastruktur di luar bandar melainkan mempunyai perancangan yang teratur dan jelas bagi mencapai objektif pembangunan luar bandar yang telah ditetapkan.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2010 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

YB TUAN HAJI AB. AZIZ BIN AB. KADIR  
(KETEREH)

TARIKH

24 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:

usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli di Malaysia, berapakah statistik bilangan isi rumah Orang Asli yang masih lagi miskin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sejak ditubuhkan pada tahun 1954 sehingga kini telah membawa kesan yang signifikan terhadap pembasmian kemiskinan dan pembangunan di kalangan masyarakat Orang Asli.

Walaupun golongan ini termasuk di dalam kumpulan minoriti dengan jumlah penduduk seramai 141,230 orang, kumpulan masyarakat Orang Asli di negara ini tidak pernah tercincir atau dinafikan hak di dalam arus pembangunan negara. Malah di bawah RMKe-9, masyarakat Orang Asli terus mendapatkan pembelaan yang sewajarnya daripada kerajaan menerusi peruntukan sejumlah RM377 juta dengan tumpuan pembangunan tiga program utama iaitu penempatan tersusun, pembangunan ekonomi dan pembangunan tanah. Di dalam RMKe-9 juga, kerajaan telah menyediakan peruntukan khas di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Dua (2) berjumlah RM40 juta yang menjadikan peruntukan keseluruhan JHEOA di bawah RMKe-9 adalah sebanyak RM417 juta. Malahan, di dalam usaha membendung kenaikan kos hidup di kalangan masyarakat Orang Asli sejak tahun 2008, kerajaan turut memperuntukkan dana tambahan sejumlah RM20 juta setiap tahun untuk tujuan Program Peningkatan Kualiti Hidup.

Perangkaan kemiskinan masyarakat Orang Asli pula menunjukkan sehingga 31 Disember 2009, terdapat seramai 4,307 Ketua Isi Rumah (KIR) tergolong di dalam kelompok miskin tegar, manakala seramai 9,335 berada di dalam kelompok miskin. Ini menunjukkan seramai 13,642 KIR Orang Asli masih tergolong dalam kelompok miskin iaitu mewakili 49 peratus berbanding jumlah keseluruhan 27,841 KIR. Jika dibuat perbandingan dari tahun 2000 hingga 2009, terdapat pengurangan yang signifikan di mana pada tahun 2000 peratusan kemiskinan adalah berjumlah 83.4 peratus menurun kepada 49.0 peratus pada tahun 2009.

## **SOALAN 17**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**

**LISAN Y.B. DATUK DR. MUHAMMAD  
LEO**

**MICHAEL TOYAD [ MUKAH ]**

**TARIKH**

**24 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Berapa peruntukan dan apakah perancangan untuk membangunkan lagi industri Pelancongan Homestay di Sarawak khasnya dalam Rancangan Malaysia ke-10.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM30 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-10 bagi menaik taraf kemudahan homestay di seluruh Malaysia. Dari jumlah tersebut, anggaran peruntukan yang akan diluluskan kepada Negeri Sarawak adalah sebanyak RM4.05 juta. Peruntukan ini adalah untuk projek-projek seperti menaik taraf jalan masuk ke homestay, menaik taraf dewan serbaguna, menaik taraf tandas rumah pengusaha homestay, pembinaan pentas bagi melaksanakan aktiviti kebudayaan, gelanggang sukan bagi permainan tradisional, pemasangan papan tunjuk arah homestay dan plak homestay.



Soalan No : 18

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN JUJAN  
DEWAN RAKYAT  
DARI PAD A Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF  
(BALIK PULAU)  
T ARIKH 24.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan peratusan literasi pendidikan dan literasi digital warga Parlimen Balik Pulau.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan program ICT Literacy (ICTL) di semua sekolah rendah mulai tahun 2005 dan di sekolah menengah bermula tahun 2007 di seluruh negara. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memastikan semua murid mendapat pendedahan dan celik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Melalui program ICT Literacy (ICTL) murid diberi kemahiran TMK termasuk di semua 30 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah di kawasan Parlimen Balik Pulau.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN LISAN

DARI PAD A RAKYAT Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
(KANOWIT)

TARIKH 24.11.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan mengikut negeri untuk membeli komputer yang akan diberi kepada pelajar kurang berkemampuan di seluruh negara. Apakah sasaran atau jumlah pelajar yang akan diberi komputer tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha mengurangkan jurang digital antara pelajar mampu dan kurang berkemampuan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengambil pendekatan secara menyeluruh melalui program penggantian dan penyenggaraan peralatan ICT di semua sekolah seluruh negara.

Dari Oktober 2009 sehingga November 2010, KPM telah membelanjakan sebanyak RM 70juta untuk menyenggara dan mengganti peralatan ICT di 7995 buah sekolah.

Soalan No : 20

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

|            |                             |
|------------|-----------------------------|
| PERTANYAAN | LISAN                       |
| DARIPADA   | Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL |
|            | (SUNGAI PETANI)             |
| TARIKH     | 24.11.2010                  |

SOAL AN-

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan Kerajaan mengumumkan akan mewujudkan 300 Sekolah Kluster di seluruh negara menjelang tahun 2010. Sudahkah angka ini dicapai dan jika belum, berapa yang telah dicapai dan apakah yang menyebabkan jumlah yang disasarkan gagal dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga Tahun 2010, jumlah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang telah diiktiraf ialah 120 buah sekolah. Persidangan Kajian Semula Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) pada 19 hingga 22 Julai 2009 bersetuju bahawa PIPP dicadangkan supaya dilanjutkan sehingga 2015. Susulan daripada ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyusun strategi, iaitu sehingga tahun 2009 sebanyak 120 buah SKK diiktiraf, tahun 2010 sebanyak 30 SKK (akan diiktiraf) dan pada tahun 2011 sehingga 2015 bilangan SKK yang akan diiktiraf ialah 150 buah, iaitu pada kadar 30 buah SKK setiap tahun sehingga tahun 2015.

Dalam usaha memberi pengiktirafan SKK, KPM mementingkan kualiti, pelbagai aspek perlu diteliti untuk tujuan pemilihan supaya sekolah yang diiktiraf benar-

Soalan No : 21

benar memenuhi kualiti yang disasarkan. Sehubungan itu, pelaksanaan

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

DEWAN

RAKYAT

pemilihan sekolah sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan melalui tiga jawatankuasa sebelum diperaku oleh Menteri Pelajaran, iaitu:-

Jawatankuasa Pelaksana yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia; dan Jawatankuasa Penasihat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT  
DARIPADA Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
BUMBURING @ WILFRED  
(TUARAN)  
T ARIKH 24.11.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan terkini projek SMK Pekan Nabalu di Sabah dan berapakah kos projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Projek SMK Nabalu, Sabah telah diluluskan untuk pembinaan dan kini masih di peringkat penyediaan rekabentuk oleh pihak perunding yang dilantik oleh pihak Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan kekangan peruntukan yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana pada awalnya rekabentuk yang dicadangkan oleh perunding melibatkan kos yang tinggi. Oleh itu pihak juruperunding telah diminta untuk merekabentuk semula projek ini supaya jumlah peruntukan yang disediakan tidak melebihi RM47 juta termasuk kos juruperunding.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJIMAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah bilangan projek berserta kos yang dilaksanakan oleh JKR secara runding terus dalam RMK-9 dan nyatakan projek-projek tersebut yang telah melebihi siling projek dan peruntukan asal.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan agensi teknikal utama yang bertanggungjawab melaksanakan sebahagian besar projek-projek Kerajaan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sahaja, JKR sehingga kini telah diamanahkan untuk melaksanakan 6,124 projek Kerajaan dengan nilai projek keseluruhan sebanyak RM119.02 bilion. Daripada jumlah tersebut hanya 297 projek sahaja atau 4.8%

**telah ditawarkan secara proses rundingan terus oleh Kementerian Kewangan dan dilaksanakan di bawah pengawasan JKR. Nilai kos kontrak keseluruhan bagi 297 projek tersebut ialah sebanyak RM22.28 bilion berbanding siling peruntukan RMKe-9 yang diluluskan sebanyak RM22.07 bilion, iaitu kekurangan siling peruntukan RMKe-9 sebanyak RM210 juta.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kekurangan siling peruntukan bukan sahaja melibatkan projek-projek yang ditawarkan secara rundingan terus bahkan merangkumi projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan secara tender konvensional. Keadaan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, antara yang utama ialah tempoh perancangan dan pelaksanaan projek yang melangkaui sesuatu tempoh Rancangan Malaysia 5 Tahun. Ia berpunca dari isu-isu pra pembinaan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti proses pengambilan balik tanah, penentuan skop dan brif projek yang melibatkan Agensi Pelanggan. Bagi projek-projek yang melalui proses reka bentuk sama ada secara dalaman atau oleh juru perunding, terdapat keadaan di mana berlaku perubahan atau tambahan skop projek semasa projek sedang dijalankan berikutan**

**arahan Agensi Pelanggan. Di samping itu, kenaikan harga bahan binaan di pasaran disebabkan oleh kenaikan harga petroleum dan diesel di pasaran dunia juga turut mempengaruhi tempoh pelaksanaan projek seperti mana yang berlaku pada tahun 2007 dan 2008 yang lalu. Faktor-faktor ini telah mengakibatkan tempoh pelaksanaan projek melangkaui tempoh masa perancangan asal dan bersambung ke Rancangan Malaysia 5 Tahun yang akan datang.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sememangnya sentiasa bekerjasama dengan Agensi-Agenzi Pelanggan dan Agensi Pusat seperti Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan serta Kementerian**

**Kewangan dalam penyediaan bajet sesuatu projek yang dilaksanakan oleh JKR.**  
**Ini termasuk memastikan siling peruntukan telah diluluskan mengikut keperluan**  
**aliran tunai (*cashflow*) dalam tempoh Rancangan Malaysia 5 tahun dan juga**  
**bajet tahunan. Sehubungan itu, baki siling peruntukan yang tidak disediakan**  
**dalam RMKe-9 itu akan dipertimbangkan oleh Agensi Pelanggan dan Agensi-**  
**Agensi Pusat dalam RMKe-10.**

**Sekian, terima kasih.**

**SOALAN NO : 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH**  
**Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA :                    TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH**  
                                      [ LIMBANG ]

**TARIKH                        24 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kerajaan akan membina Klinik Pakar Asas di Hospital Limbang dan bilakah ahli pakar yang tetap akan ditempatkan di Hospital Limbang sementara menunggu klinik pakar asas dibina.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan amat prihatin dengan penyediaan perkhidmatan kepakaran bagi memastikan ekuiti dan aksesibiliti rakyat kepada

perkhidmatan perubatan kepakaran.

Pada masa ini, walaupun Hospital Limbang dikategorikan sebagai hospital tanpa pakar residen, perkhidmatan kepakaran ada disediakan. Ia dilaksanakan oleh pakar dari Hospital Miri yang membuat lawatan secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan. Perkhidmatan kepakaran yang disediakan adalah Pediatric, Obstetrik & Ginekologi, Perubatan Am, Surgeri, Ortopedik, Psikiatri, ENT dan Oftalmologi. Dengan sistem rujukan yang digunakan, pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan kepakaran pada kadar segera akan dirujuk ke hospital yang berpakar.

Pihak Kementerian Kesihatan memang mempunyai perancangan untuk menempatkan pakar residen di Hospital Limbang, dan menjadi hasrat KKM juga untuk menaiktaraf hospital ini kepada hospital berpakar pada masa hadapan.



**SOALAN NO. 24**

**PERTANYAAN**                    **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**  
**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**                    **PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI**  
**KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**TARIKH**                    **24 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [ Arhpang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah perkahwinan bawah umur yang dilaporkan mengikut negeri dan apakah pandangan Kerajaan berhubung isu tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan kes-kes perkahwinan bawah umur yang dilaporkan oleh media sejak akhir-akhir ini.

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah perkahwinan di bawah umur bagi pasangan bukan-Islam yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2005 sehingga September 2010 ialah 55,822 perkahwinan. Pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) Pasangan lelaki yang berkahwin pada usia di bawah 21 tahun tetapi genap 18 tahun adalah seramai 11,216 orang; dan
- (ii) Pasangan perempuan yang berkahwin pada usia di bawah 21 tahun tetapi genap 16 tahun adalah seramai 44,606 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pasangan yang bukan beragama Islam, Seksyen 10 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164), memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan

**di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu pihak**

berumur di bawah 18 tahun. Walau bagaimanapun, pihak perempuan dibolehkan berkahwin jika berumur di bawah 18 tahun tetapi telah mencapai 16 tahun dengan syarat mendapat kelulusan daripada Ketua Menteri/Menteri Besar seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 21 (2), Akta 164.

Seksyen 12 Akta 164 pula memperuntukkan bahawa seseorang yang belum mencapai umur 21 tahun hendaklah mendapatkan persetujuan sebelum perkahwinannya daripada:

- (i) bapanya; atau
- (ii) jika seseorang itu merupakan anak tidak sah taraf, atau telah kematian bapa kandungnya, hendaklah mendapatkan persetujuan daripada ibunya; atau
- (iii) jika seseorang itu merupakan anak angkat, hendaklah mendapatkan persetujuan daripada bapa angkatnya, atau sekiranya telah kematian bapa angkatnya, persetujuan hendaklah daripada ibu angkatnya; atau
- (iv) jika sekiranya kedua-dua ibu bapa kandungnya atau ibu bapa angkatnya telah meninggal dunia, persetujuan hendaklah diperolehi daripada penjaga yang sah di sisi undang-undang (*person standing in loco parentis*).

Manakala bagi perkahwinan di bawah umur untuk pasangan Islam pula, statistik yang daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan bahawa jumlah yang didaftarkan di seluruh negara dari Januari 2009 hingga Disember 2009 adalah sebanyak 1,079 perkahwinan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang beragama Islam pula adalah tertakluk kepada enakmen Undang-Undang Islam mengikut negeri masing-masing. Secara umumnya, enakmen Undang-Undang Islam di negeri-negeri telah menetapkan had umur perkahwinan untuk lelaki tidak kurang dari 18 tahun manakala untuk perempuan tidak kurang dari 16 tahun melainkan mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syariah.

Dalam hal ini, KPWKM berpandangan bahawa, walaupun undang-undang membenarkan kanak-kanak perempuan berumur kurang daripada 16 tahun untuk berkahwin sekiranya mendapat kebenaran Ketua Menteri/Menteri

Besar atau Mahkamah Syariah, perkara ini tidak harus digalakkan atau dijadikan amalan dalam masyarakat. Perbuatan ini boleh memberikan kesan negatif dari segi kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak terutama dari aspek pendidikan. Selaras dengan Akta Pendidikan 1996, pendidikan sekolah rendah adalah wajib bagi semua kanak-kanak. Justeru, perkahwinan bawah umur menyebabkan kanak-kanak tercicir dari sistem persekolahan dan akan menjaskan masa depan mereka.

Selain itu, perkahwinan kanak-kanak di bawah umur juga akan menyebabkan kanak-kanak tersebut terpaksa memikul tanggungjawab rumah tangga, sama ada sebagai suami atau isteri di usia yang muda walaupun mereka masih belum cukup bersedia untuk memikul bebanan tersebut. Perkara ini jika tidak dibendung akan mengakibatkan pelbagai masalah seperti perceraian di usia muda, ketidakstabilan ekonomi keluarga dan tidak dapat menguruskan ahli keluarga dengan baik.

Sehubungan itu, KPWKM akan terus meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya di kalangan ibu bapa dari semasa ke semasa melalui aktiviti advokasi supaya hak dan kepentingan terbaik kanak-kanak (*the best interest of the child*) terpelihara.

Mo'

SJ.B/(67)

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[TANJONG MANIS]**

**PERTANYAAN LISAN**

TARIKH **24.11.2010**

*A. Sae*

*24/11/10*

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan berhenti memberi kontrak Kerajaan bagi individu-individu yang telah memperoleh sebanyak RM100 juta untuk memberi peluang kepada kontrak-kontrak baru bagi tahun 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan yang bernilai melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender. Melalui proses tender, syarikat yang menyertai akan bersaing secara adil dan saksama dalam menawarkan harga yang kompetitif setanding dengan kualiti barang/perkhidmatan yang ditawarkan. Persaingan bukan sahaja membantu meningkatkan daya saing syarikat-syarikat yang menyertai tetapi juga membolehkan Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik. Selain itu juga, pelaksanaan perolehan melalui tender juga

adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan.

2. Melalui proses tender, keupayaan syarikat yang menyertai sesuatu perolehan Kerajaan akan dinilai melalui keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal termasuk prestasi kerja semasa serta bilangan kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan kontrak yang baru. Ini bermakna setiap syarikat yang layak dan memenuhi kriteria sesuatu tender tidak boleh dihalang untuk menyertai pelawaan tender tersebut, walaupun syarikat berkenaan telah mendapat kontrak sebelum itu. Selain itu, Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan kaedah tender bagi tahun 2011 dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) selaras dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan ketelusan dan memastikan persekitaran persaingan yang sihat di kalangan syarikat tempatan yang ingin menyertai perolehan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Izinkan saya untuk menjelaskan bahawa kontrak Kerajaan tidak diberi kepada individu sebaliknya syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) bagi syarikat kontraktor dan Kementerian Kewangan bagi syarikat bekalan/perkhidmatan. Pendaftaran bagi syarikat yang ingin melaksanakan projek Kerajaan bertujuan memudahkan Agensi bagi mengenal pasti syarikat yang berdaftar dalam kepala, sub-kepala, bidang atau kategori yang ditetapkan bagi melaksanakan sesuatu projek Kerajaan. Selain itu juga, ia membolehkan pemantauan dilakukan terhadap prestasi syarikat yang

terlibat dalam perolehan Kerajaan dan tindakan diambil ke atas syarikat yang tidak memenuhi obligasi kontrak atau melakukan kesalahan.

NO. AUM : 23

NO. AUP : U

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [  
PERMATANG PAUH ]

**DARIPADA** 24 NOVEMBER 2010

TARIKH  
3109

**RUJUKAN  
LISAN**

**SOALAN:**

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah Kerajaan akan mengambil kesempatan terbaik sekarang untuk memperbetulkan pengurusan polis yang baru dengan melaksanakan cadangan-cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Pengurusan Polis termasuk penubuhan IPMC memandangkan meningkatnya kes-kes jenayah berat dan kematian dalam tahanan.



JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, kerajaan mengambil kira syor- syor yang dikemukakan di dalam laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

Daripada 125 cadangan yang disyorkan itu, sebanyak 87 atau 70% cadangan telah diklasifikasikan sebagai telah dilaksanakan, 29 atau 23% Cadangan dalam perlaksanaan, 1 atau 1% cadangan sebagai masih dalam kajian, sementara hanya 8 atau 6% cadangan tidak dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, satu rang undang- undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (SIAP) digubal bagi membolehkan satu badan diwujudkan untuk menerima dan menyiasat aduan berkaitan dengan agensi-agensi Penguatkuasaan termasuk PDRM. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi integriti agensi penguatkuasaan khususnya PDRM.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA**

**JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH 24 NOVEMBER 2010 (RABU)**

**SOALAN**

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah bekalan gas asli yang dikhurasukan oleh PETRONAS untuk kegunaan industri tempatan di negeri

**NO. SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Sabah, dan apakah jaminan bahawa bekalan gas asli tersebut cukup dan harganya lebih rendah dari harga pasaran untuk memberi *competitive edge* kepada industri-industri berasaskan gas dan minyak di negeri Sabah.

**Jawapan**

Tuan Yang di Pertua,

Bekalan gas asli yang disediakan oleh PETRONAS di negeri Sabah sehingga kini adalah sebanyak 80 juta kaki padu sehari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) di Kimanis yang sedang dilaksanakan oleh PETRONAS dijangka siap pada hujung tahun 2013. Dengan siapnya projek ini, bekalan gas asli sebanyak 250 juta kaki padu sehari akan dapat dibekalkan oleh PETRONAS mulai tahun 2014 untuk kegunaan pasaran domestik terutamanya untuk sektor janakuasa dan industri tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan di Negeri Sabah.



Pada masa ini, pihak PETRONAS membekalkan gas kepada pengguna di negeri Sabah yang menggunakan gas melebihi 2 juta kaki padu sehari (mmscfd) manakala bagi pengguna yang menggunakan gas kurang daripada 2 mmscfd, ianya dibekalkan oleh *Sabah Energy Corporation* (SEC). Di bawah Akta Bekalan Gas 1993, SEC sebagai pemegang lesen (pembekal) dibenar mengadakan perjanjian khas dengan pihak pembeli berdasarkan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Amalan penetapan harga gas oleh SEC yang berdasarkan prinsip '*willing buyer willing seller*' (dengan izin) adalah amalan yang wajar memandangkan ia mengambilkira kepentingan kedua-dua pihak iaitu pembekal dan pembeli. Amalan ini juga bersesuaian dengan struktur industri pembekalan gas di Sabah yang berbeza dengan Semenanjung disebabkan faktor-faktor seperti bilangan pengguna dan jumlah bekalan gas yang kecil serta kos modal yang besar yang perlu ditanggung oleh pihak SEC bagi menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membekalkan gas kepada pihak pengguna.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menerusi Suruhanjaya Tenaga akan bertindak dalam mengawalselia harga gas berdasarkan peruntukan sedia ada dalam Akta Bekaian Gas 1993 bagi menjamin harga yang berpatutan kepada pengguna di samping memastikan daya maju syarikat pembekal. Langkah ini juga dapat memastikan sumber gas tempatan yang semakin menyusut dapat diagihkan secara optimum dengan keutamaan bekalan gas kepada industri yang dapat menghasilkan nilai ditambah yang tinggi dan memberi kesan pengganda yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi.

PERTANYAAN LISAN

DARI PADA

YB DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
[ KUALA SELANGOR]

TARIKH

24 NOVEMBER 2010

SOALAN

PERDANA MENTERI menyatakan Konsep 1 Malaysia meskipun masih dalam tahap *work in progress* seperti yang didakwa beliau kerana telah mencetuskan pelbagai pertentangan fahaman seperti yang diutarakan oleh Perkasa dan mantan PM Tun

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Mahathir.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Dr.Koh Tsu Koon)

Gagasan 1 Malaysia adalah bertujuan untuk memperkuatkan lagi perpaduan nasional dalam konteks kepelbagaian (*unity in diversity*) yang merupakan pra-syarat kepada segala usaha untuk terus membangunkan supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang maju, aman dan sejahtera.

YAB Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat pada bulan Oktober 2009 telah mengatakan dengan jelas dan tegasnya bahawa “ *gagasan 1 Malaysia menekankan aspek utama perpaduan iaitu sikap dan nilai penerimaan dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum yang sedia ada; kedua, pengamalan prinsip-prinsip kenegaraan yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara dan ketiga, menegakkan keadilan sosial di mana semua rakyat Malaysia akan terbela, khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan dan tidak ada mana-mana pihak akan dipinggirkan.*”

Berdasarkan kepada semangat, prinsip dan komitmen gagasan 1 Malaysia seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri, maka, inisiatif-inisiatif telah dan akan diusahakan untuk mengisi dan menterjemahkan gagasan 1 Malaysia untuk digunakan dalam pelbagai situasi dan keadaan dalam masyarakat majmuk kita supaya dapat terus menguruskan perhubungan antara golongan etnik dan agama. Inilah yang dimaksudkan sebagai “work in progress” kerana ianya memerlukan usaha dan sumbangan dari semua pihak serta mengambil masa untuk mendatangkan hasil.

Ini adalah kerana kita sedar bahawa masyarakat majmuk kita terdiri dari pelbagai

kaum dan kumpulan sosial yang berbeza dari segi asal usul etnik, kepercayaan, agama, penggunaan bahasa, pengamalan budaya, adat resam dan aliran pemikiran. Masing-masing tidak mahu melihat kaum atau kumpulan masing-masing ketinggalan dan terkebelakang dari arus pembangunan. Apabila sesuatu kaum itu merasa keciciran maka mereka akan menyuarakan dan menuntut hak masing-masing serta mendesak Kerajaan melakukan sesuatu. Ini dibuat melalui parti politik, pertubuhan bukan kerajaan atau pemimpin tertentu secara individu. Fenomena ini memang sesuatu yang biasa, khasnya dalam konteks sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita.

Pihak kerajaan sentiasa bersedia mendengar suara-suara yang berbeza ini mengikut prinsip keterangkuman (*inclusiveness*). Sekiranya didapati berasas dan munasabah, maka ianya akan dilayani dan langkah-langkah positif akan diambil. Akan tetapi, sekiranya desakan tertentu menyentuh dan menjelaskan hak kaum yang lain, atau melukakan perasaan dan sensitiviti kumpulan tertentu, maka akan terjadi perbalahan dan pertentangan pendapat. Dalam keadaan sedemikian, kerajaan akan mengambil langkah meredakan perasaan dan melakukan mediasi. Sekiranya masih degil atau garang, terutamanya kalau menentang prinsip-prinsip Perlembagaan



Persekutuan dan Rukun Negara atau melanggar undang-undang yang sedia ada, maka, tindakan sesuai yang lebih tegas perlu dipertimbangkan.

Sebagai kesimpulan, dalam menjayakan gagasan 1 Malaysia, kita hendaklah mempunyai minda dan hati yang terbuka untuk mengalum-alukan sumbangan jujur dari semua pihak, terutamanya generasi muda kita. Akan tetapi, kita harus juga berhati-hati supaya dalam membuat demikian, semangat dan prinsip-prinsip kenegaraan kita hendaklah terus menjadi rujukan dan landasan, dan tidaklah tergugat. Hanya dengan sikap dan pendekatan yang sederhana dan seimbang seperti inilah gagasan 1 Malaysia akan berkembang dan berhasil untuk mencapai Wawasan 2020.

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                                   **LISAN**

**DARIPADA**                                   **DATUK WEE JECK SENG**

[TANJONG PIAI]

**TARIKH**                                   **24 NOVEMBER 2010**

**RUJUKAN**                                   **3106**  
**SOALAN:**

Datuk Wee Jeck Seng minta MENTERI DALAM NEGERI  
menyatakan

NO. AUM : 9

- (a) bilangan penduduk Malaysia yang masih memegang Kad Pengenalan Merah mengikut komposisi kaum; dan
- (b) berapakah jumlah pemegang Kad Pengenalan Merah yang berjaya mendapat kedudukan kewarganegaraan mengikut komposisi kaum dalam 2 tahun kebelakangan ini.



**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kad Pengenalan Merah adalah nama lama kepada MyPR. Oleh yang demikian, kerjasama Yang Berhormat untuk menggunakan nama MyPR adalah lebih dialukan.

Tuan Yang DiPertua,

(a) Jumlah pemegang MyPR sehingga 23 September 2010 adalah sebanyak 293,172. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara tidak dapat mengemukakan statistik pemegang MyPR mengikut komposisi kaum kerana JPN hanya menyimpan rekod MyPR berdasarkan warganegara asal pemohon.

(b) Manakala jumlah pemegang MyPR yang berjaya memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia pada tahun 2009 dan 2010 adalah seramai 14,397 orang.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN (PKR) ( MERBOK )

TARIKH 24 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

YB Dato' Rashid bin Din (PKR) ( MERBOK ) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa banyak bantuan telah disalurkan kepada keluarga miskin, orang tua, orang kurang upaya dan kepada golongan yang memerlukan untuk tahun 2009. Senaraikan mengikut kategori jumlah penerima serta jumlah bantuan dan adakah jumlah ini akan meningkat untuk tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)  
melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan skim-skim bantuan kewangan untuk membantu kumpulan sasar seperti kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), keluarga miskin dan warga emas.

Bagi tahun 2009, Kementerian telah menyalurkan bantuan kewangan kepada 353,889 penerima bantuan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM759 juta. Sehingga September 2010 pula, sebanyak RM834 juta telah disalurkan kepada seramai 449,417 penerima bantuan. Jumlah tersebut menunjukkan terdapat peningkatan penerima

bantuan sebanyak 27% dan pertambahan peruntukan yang disalurkan sebanyak 10% berbanding tahun 2009.

Penerima bantuan JKM mengikut kategori utama skim bantuan bagi tahun 2009 dan sehingga September 2010 adalah seperti berikut:-

Seramai 66,912 keluarga telah menerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM168 juta bagi tahun 2009. Manakala sehingga September 2010, seramai 104,023 menerima bantuan ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM227 juta. Terdapat peningkatan sebanyak 55% bagi bilangan penerima dan 35% bagi peruntukan yang telah dibelanjakan;

1. Seramai 35,084 orang telah menerima Elaun Pekerja Cacat (EPC) melibatkan

peruntukan sebanyak RM104 juta sepanjang tahun 2009. Sehingga bulan September 2010, seramai 47,148 orang pula sedang menerima bantuan ini dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM119 juta. Peningkatan sebanyak 34% bagi bilangan penerima dan 15% bagi peruntukan yang telah disalurkan;

2. Seramai 17,297 penjaga telah menerima Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit

Kronik Terlantar (BPT) melibatkan peruntukan sebanyak RM39.7 juta bagi tahun 2009. Manakala sehingga September 2010, seramai 27,394 penjaga menerima bantuan ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM66 juta. Terdapat peningkatan sebanyak 58% bagi bilangan penerima dan 67% bagi peruntukan yang telah dibelanjakan;

3. Seramai 6,209 orang OKU telah menerima Bantuan OKU Tidak Berupaya

Bekerja (BTB) melibatkan peruntukan sebanyak RM5.1 juta sepanjang tahun 2009. Sehingga bulan September 2010, seramai 17,502 orang sedang menerima bantuan ini dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM20 juta. Peningkatan sebanyak 182% bagi bilangan penerima dan 302% bagi peruntukan yang telah disalurkan; dan

4. Seramai 99,399 warga emas menerima Bantuan Orang Tua (BOT) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM228 juta bagi tahun 2009. Manakala sehingga September 2010, seramai 137,290 warga emas menerima bantuan ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM333 juta. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 38% bagi bilangan penerima dan 46% bagi peruntukan yang telah dibelanjakan.

Peningkatan penerima bantuan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah disebabkan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian menerusi Program CARI, program, dengan izin, “*outreach*” dan sebagainya untuk mengesan kes-kes keciciran bagi memastikan tiada golongan yang memerlukan bantuan terlepas pandang daripada mendapat intervensi daripada Kementerian.

#### SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB  
LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

(BN) (LIBARAN)

TARIKH                    24 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

YB Datuk Juslie bin Ajirol (BN) (Libaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah terkini kelompok isi rumah miskin tegar yang berdaftar dengan sistem eKasih yang berjaya dikeiuarkan daripada garis kemiskinan tegar di bawah Program Kemasyarakatan 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) terutama di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan sistem eKasih senarai asal, bilangan isi rumah miskin tegar di seluruh negara telah dapat dikurangkan daripada 44,643 isi rumah miskin tegar pada Disember 2009 kepada 20,019 isi rumah. Ini menunjukkan sebanyak 24,624 isi rumah (55%) yang berjaya dikeiuarkan daripada kategori miskin tegar pada 3 Oktober 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut, negeri Sabah mencatatkan seramai 4,325 isi rumah yang telah berjaya keluar daripada kategori miskin tegar iaitu daripada 14,890 isi rumah miskin tegar pada Disember 2009 kepada 10,505 isi rumah miskin tegar pada 31 Oktober 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah 24,624 isi rumah miskin tegar terkeluar daripada kategori miskin tegar adalah disebabkan oleh Peningkatan Pendapatan sebanyak 21,669 isi rumah (88%), Pengesahan Oleh *Focus Group Negeri* dan Daerah sebanyak 1,231 isi

rumah (5%), Berpindah sebanyak 739 isi rumah (3%), Meninggal Dunia sebanyak 739 (3%) dan Bantuan Sara Hidup sebanyak 246 isi rumah (1%).

NO. AUM : 15

NO. AUP : y>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN**

**PERTANYAAN :** TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
**DARIPADA** [BACHOK]  
**TARIKH** 24 NOVEMBER 2010  
**RUJUKAN** 3232

**SOALAN:**

Tuan Hajl Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan iklan-iklan khususnya di media elektronik tidak menyiarkan elemen-elemen syirik sebagaimana yang berlaku dalam iklan Hari Raya yang disiarkan oleh TV3 baru-baru ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana filem termasuk iklan yang tidak diluluskan berdasarkan Akta Penapisan Filem 2002.

Urusan penapisan dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Penapis Filem (LPF) yang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Walau bagaimanapun, kuasa untuk memantau penyiaran di stesen- stesen televisyen dan mengambil tindakan untuk stesen-stesen tersebut terletak di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

NO. SOALAN:33

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK 1R. ONG TEE KEAT [PANDAN]

TARIKH 24 NOVEMBER 2010

SOALAN

Datuk Ir. Ong Tee Keat [ Pandan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa universiti-universiti tertentu yang tersenarai dalam golongan 200 universiti terulung dalam Times Higher Education Survey masih belum diiktiraf kelayakan akademiknya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Setakat ini berapa universiti sedemikian dan kursus yang ditawarkan yang masih tidak diberi pengiktirafan. Apakah perancangan Kementerian untuk menangani keadaan seperti ini.

NO. SOALAN:33

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengiktirafan sesuatu kelayakan oleh Kerajaan adalah bagi maksud pelantikan

ke dalam Perkhidmatan Awam. Penilaian pengiktirafan kelayakan dibuat mengikut keperluan dan kesesuaian kelayakan dengan sesuatu jawatan dalam Skim Perkhidmatan. Oleh itu, pengiktirafan kelayakan oleh Kerajaan adalah berdasarkan program pengajian dan bukannya ke atas institusi.

Daripada 200 buah universiti yang tersenarai dalam *Times Higher Education World University Rankings 2010*, sebanyak 167 daripadanya memiliki program di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi maksud pelantikan dalam Perkhidmatan Awam. Di samping itu, Kerajaan memberi pengiktirafan secara ‘*blanket*’ bagi program Ijazah Sarjana dan PhD melalui pengajian Sepenuh Masa di kampus universiti di luar negara, sekiranya program di universiti tersebut diiktiraf oleh kerajaan negara berkenaan dan pemegang kelayakan tersebut memiliki ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan.

NO. AUM : 16  
NO. AUP : ^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]

**TARIKH** 24 NOVEMBER 2010

**RUJUKAN** 3107

**SOALAN:**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah kemalangan kenderaan Ops Sikap sempena sambutan Aidilfitri dari tahun 2006 ke 2010 mengikut kes kematian, negeri dan jenis kenderaan yang terlibat, adakah langkah- langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan statistik tersebut berkesan dan efektif.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah kemalangan jalan raya yang direkodkan semasa Ops Sikap sempena sambutan perayaan Aidilfitri dari tahun 2006 hingga September 2010 adalah sebanyak 81,733 kes dan melibatkan 1,174 kematian. Daripada jumlah tersebut, lima (5) negeri yang mencatatkan jumlah kematian tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak 189 kematian, Johor sebanyak 158 kematian, Perak sebanyak 120 kematian, Pahang sebanyak 108 kematian dan Kedah sebanyak 102 kematian di mana motosikal adalah penyumbang utama kemalangan maut dengan 541 kematian diikuti motokar (kereta) dengan 285 kematian.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, pihak polis bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:-

- i) Kempen-kempen keselamatan jalan raya dan penguatkuasaan;
- ii) khidmat advocacy (sokongan);
- iii) nasihat waktu perjalanan pergi dan pulang dari destinasi;
- iv) kehadiran secara fizikal polis-polis trafik; dan
- v) kawalan lalulintas semasa kesesakan dan musim-musim perayaan.

Sehingga hari ini, pelaksanaan Ops Sikap oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) didapati mencapai matlamatnya. Dengan mengambil kira faktor-faktor seperti keadaan jalan raya yang tidak kondusif, jumlah kenderaan yang semakin bertambah dan kecuaian pemandu sendiri, operasi-operasi pencegahan kemalangan seperti Ops Sikap masih relevan dan perlu dilaksanakan untuk menurunkan jumlah kemalangan jalan raya.

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, sikap sesetengah pengguna jalan raya masih tidak berubah di mana kadar pelanggaran undang-undang lalu lintas didapati masih berlaku secara meluas. Memandu melebihi had laju yang ditetapkan, sikap tidak berhemah dan kecuaian pemandu bukan sahaja memaksa pihak PDRM mengeluarkan saman yang tinggi malah juga telah menyumbang kepada 71% punca kematian dalam kemalangan jalan raya.  
Tuan Yang DiPertua,

Kehadiran poll's semata-mata tidak dapat mengubah sikap pengguna jalan raya melainkan pemandu itu sendiri bersedia untuk berubah ke arah yang lebih positif. Kepatuhan pengguna jalan raya terhadap undang-undang jalan raya adalah rendah jika dilihat kepada kadar kemalangan yang tinggi.

NO. AUM :??I

NO. AUP :

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ]**

**TARIKH**                   **24 NOVEMBER 2010**

**RUJUKAN**               **3105**

**SOALAN:**

**Dato<sup>1</sup> Ismail bin Kasim [ Arau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah radas yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengira kadar jenayah seluruh negara dan mengapa angka ini didakwa menurun sedangkan jenayah berat seperti pembuangan bayi dan pembunuhan kejam semakin meningkat dan berleluasa.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mengurangkan Jenayah telah menetapkan sasaran mengurangkan Jenayah Indeks sebanyak 5% bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009. Jenayah Indeks adalah jenayah yang dilaporkan dan mempunyai signifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah Indeks terbahagi kepada dua kategori, pertamanya, jenayah kekerasan bagi kes yang melibatkan kecederaan pada tubuh badan dan kerugian harta benda. Jenayah kekerasan terdiri dari kes bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mendatangkan cedera. Kategori kedua ialah jenayah harta benda, iaitu jenayah yang melibatkan kerugian harta benda sahaja. lanya terdiri dari kes curi motokar, curi

motorsikal, curi lori atau jentera berat, curi rugut, pecah rumah siang, pecah rumah malam dan curi.

Tuan Yang Dipertua,

Kesemua statistik ini adalah dijana dari Sistem Laporan Polis atau *Police Reporting System* (PRS), iaitu satu sistem berintergrasi (*integrated systems*) yang merekodkan kejadian jenayah di seluruh negara secara online daripada peringkat Balai Polis, Ibu

Pejabat Polis Daerah dan semua Kontinjen di seluruh negara. Berdasarkan terma rujukan yang jelas mengenai jenis-jenis jenayah dan data dikumpulkan dengan sistematik adalah jelas Jenayah Indeks telah turun sebanyak 25,182 kes atau 16% bagi tempoh Januari hingga September 2010 dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 2009. Tidak dapat dinafikan jenayah tetap berlaku dan PDRM juga telah mencapai banyak kejayaan dengan menahan mereka yang terlibat termasuk kes jenayah berat. Kerajaan percaya melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak jenayah akan terus dapat dikurangkan di negara ini.

**NO. AUP : ?4**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM**

**[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH 24 NOVEMBER 2010**

NO. AUM : 20

**RUJUKAN                    3108**

**SOALAN:**

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan laporan "Program Transformasi Kerajaan" telah dikeluarkan untuk menangani kadar jenayah di Malaysia. Apakah program yang dilakukan untuk menurunkan kadar jenayah dan statistik pecahan anggota Polis Diraja Malaysia mengikut tugas dan jabatan.



## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pogram Transformasi Kerajaan telah menunjukkan pencapaian yang positif dalam NKRA Mengurangkan Jenayah. Ini terbukti dengan peratus penurunan kes Jenayah Indeks sebanyak 16% dan Jenayah Jalanan sebanyak 38%, iaitu melebihi sasaran penurunan sebanyak 5% dan 20% masing-masing seperti yang ditetapkan. Ini menunjukkan apa yang diilhamkan oleh Perdana Menteri berkenaan GTP adalah suatu yang realistik dan boleh dicapai.

Tuan Yang Dipertua,

Pengurangan Jenayah Indeks seperti yang kita lihat pada masa kini adalah disebabkan perlaksanaan pelbagai inisiatif oleh kementerian dan agensi dalam mengembeling semua kekuatan untuk memastikan impak yang positif. Antara inisiatif bagi mengurangkan jenayah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti Feet on street, dimana pihak kementerian telah meningkatkan bilangan anggota- anggota PDRM termasuk sukarelawan RELA dan JPAM untuk membuat rondaan. Di samping itu, tindakan ini dapat mewujudkan rasa selamat kepada masyarakat setempat dan kawasan awam.

Skim Rondaan Sukarela juga diaktifkan semula, dimana menggalakkan penduduk tempatan mengambil bahagian dalam rondaan sekitar kawasan tempat tinggal mereka secara sukarela. Inisiatif ini merupakan kerjasama KDN dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta masyarakat setempat

Pengaktifan semula Program Bandar Selamat kini sedang giat dilaksanakan, dimana semua kawasan-kawasan panas yang telah dikenalpasti telahpun disediakan keperluan-kepeluan mengikut garis panduan bandar selamat, seperti pemasangan cctv, pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotosikal, pemasangan lampu jalan, dan pembersihan semak samun.

Media juga turut membantu dalam inisiatif mengurangkan jenayah ini dimana radio dan televisyen menyediakan rancangan-rancangan dan segmen publisiti dan kesedaran terhadap gejala jenayah.

Program penilaian prestasi balai-balai polis seluruh negara melalui pelaksanaan Balai League Table juga turut diperkenalkan dibawah program NKRA. Melalui program ini telah dapat menyuntik semangat pegawai dan anggota serta seterusnya memberi perangsang untuk bekerja lebih cemerlang dalam pengurusan dan pencegahan jenayah

Bagi memberi tumpuan khusus untuk mengurangkan jenayah, seramai **3,822** penjawat awam telah diserap masuk ke PDRM untuk menjalankan tugas awam. Manakala seramai 7,402 pegawai dan anggota PDRM telah dibuat penempatan semula sewajarnya untuk menjalankan tugas hakiki polis khususnya bertugas di lapangan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada yang saya sebutkan tadi terdapat lagi insiatif lain seperti tindak balas pantas oleh PDRM bermotosikal, *High Profile Policing*, Skuad Muda RELA, *Crime Awareness Team*, pelancaran Facebook untuk mendapatkan maklumbalas masyarakat, Rakan Cop, *Stop and Talk* dan penguatkuasaan terhadap bengkel-bengkel haram. Semua ini dilaksanakan bagi mengurangkan jenayah indeks dan jenayah jalanan di negara kita serta menjadikan masyarakat kita berasa selamat dan mengurangkan rasa takut untuk menjadi mangsa jenayah dan seterusnya bagi meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap pihak pengutuasa terutamanya PDRM.

Dalam 6 bulan pertama tahun ini, terdapat sejumlah 107,485 perjawatan dalam PDRM. Daripada jumlah ini, sebanyak 106,530 jawatan telah diisi manakala masih terdapat 955 jumlah kosongan. Berikut adalah statistik pecahan anggota mengikut tugas dan jabatan

|                           |        |
|---------------------------|--------|
| KDN /KA                   | 32,895 |
| LOGISTIK                  | 10,642 |
| SIASATAN JENAYAH          | 9,272  |
| CAWANGAN KHAS             | 5,119  |
| SIASATAN JENAYAH NARKOTIK | 4,066  |
| SIASATAN JENAYAH KOMERSIL | 1,466  |
| PASUKAN PETUGAS KHAS      | 185    |
| PENGURUSAN                | 42,885 |

**SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**

**NO:37**

**PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE  
[TENGGARA]  
**TARIKH** 24 NOVEMBER 2010  
**SOALAN** 37

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan jumlah syarikat yang diberikan status Bio Nexus dan jumlah pelaburannya serta peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan hasil pelaksanaan Dasar Bioteknologi Nasional (DBN) yang diperkenalkan pada tahun 2005.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (“BiotechCorp”) yang ditubuhkan pada Mei 2005 bertanggungjawab dalam melaksanakan Dasar Bioteknologi Negara. Salah satu daripada perancangan di bawah dasar tersebut ialah pengwujudan kelompok syarikat-syarikat berstatus BioNexus. Status BioNexus merupakan satu taraf khas untuk syarikat-syarikat bioteknologi yang ingin mengkomersilkan hasil R&D dalam bioteknologi. Syarikat-syarikat berstatus BioNexus menerima insentif daripada Kerajaan

seperti yang termaktub di bawah Piagam Jaminan BioNexus. Selain itu, BiotechCorp turut memberi khidmat sokongan dan menjadi pemudahcara bagi membantu membangunkan perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Syarikat-syarikat BioNexus yang layak juga boleh memohon bantuan dana pengkomersilan daripada BiotechCorp, termasuk dana modal benih (seed fund), dana padanan R&D lanjutan dan dana padanan untuk pengembangan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Sehingga 31 Oktober 2010. BiotechCorp telah meluluskan 173 syarikat bagi status BioNexus, dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM1.786 bilion. Kesemua syarikat tersebut menjana peluang pekerjaan sebanyak 4.889 pekerjaan, termasuk pekerjaan ilmu.

SOALAN ( 38 )

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING )

TARIKH : 24 NOVEMBER 2010 ( RABU )

SOALAN

Y.B. TUAN NGA KOR MING ( TAIPING ) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah kos terlibat dan jumlah bentuk pembayaran dalam perlaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal 2007 termasuk semua kos yang dibayar kepada Syarikat E- Idaman Sdn Bhd, Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. dan Southern Waste Management Sdn. Bhd. masing-masing dari 2007 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah diwartakan pada 30 Ogos 2007. Akta 672 ini dijangka akan dikuatkuasakan pada awal Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10). Oleh yang demikian, sehingga kini tiada sebarang pembayaran dibuat kepada Syarikat E- Idaman, Syarikat Alam Flora dan juga Southern Waste Management akibat pelaksanaan Akta 672.

Bagaimanapun, sebagai makluman Dewan yang mulia ini, perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang diberikan oleh Alam Flora dan Southern Waste Management di

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

sejak tahun 1997 hingga kini adalah dibawah penswastaan secara interim di mana pembayaran kepada syarikat konsesi dibuat oleh PBT.

Bagi membantu PBT-PBT yang dikenalpasti kurang berkemampuan untuk membayar kepada syarikat konsesi, KPKT telah memberikan bantuan kewangan bermula tahun

1998. Sehingga tahun 2009, bantuan kewangan tersebut berjumlah

RM115.8 juta melibatkan lebih kurang 22 PBT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2010



PERMEN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA  
PERTANYAAN  
DARIPADA RITAHU  
AN TUAN HAJI AHMAD BIN KASSIM  
TARIKH PERTAN <sup>(HSAN)</sup> (PENGARA)  
NO. SOALAN YAAN 24.11.2010 (RABU)  
TUAN HAJI AHMAD BIN <sup>39</sup> KASIM [KUALA KEDAH] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN  
menyatakan berapakah nilai sumbangan sektor koperasi dalam Keluaran Dalam  
Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2009 dan 2010, serta nyatakan butiran bidang  
perniagaan atau industri yang menyumbang hasil paling tinggi dan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Nilai sumbangan sektor koperasi dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2009 adalah sebanyak RM8.92 billion iaitu bersamaan 1% dari jumlah keseluruhan KDNK pada tahun tersebut.

Maklumat mengenai KDNK bagi tahun 2010 belum dikeluarkan lagi. Walau bagaimanapun adalah dijangka berlaku peningkatan kepada 1.3% dalam sumbangan sektor koperasi kepada KDNK dalam tahun ini.

Bidang perniagaan atau industri utama yang paling banyak menyumbang kepada KDNK ialah perkhidmatan kewangan (perbankan dan kredit) diikuti dengan bidang kepenggunaan. Manakala bidang perindustrian adalah penyumbang hasil paling rendah.

SOALAN NO: 40

|                                  |  |
|----------------------------------|--|
| <b>PERTANYAAN<br/>DARI PAD A</b> | PEMBERITAHU<br>PERTANYAAN<br>DEWAN RAKYAT,<br>MALAYSIA<br><b>LISAN</b><br><b>YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD<br/>GHAZALI [TITIWANGSA]</b> |
| <b>TARIKH</b>                    | <b>RABU, 24 NOVEMBER 2010</b>  |
| <b>RUJUKAN<br/>SOALAN</b>        | <b>09 [PR-1233-L40027]</b>   |

**Dr. Lo<sup>1</sup> Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan peruntukan sebenar untuk Pembangunan Semula Kg. Baru dalam Rancangan Malaysia ke 10 yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam sesi Parlimen yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman **Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa**, dalam merancang pembangunan Kampong Bharu, terdapat perkara-perkara asas yang perlu diselesaikan terlebih dahulu.

Pertama, penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang perlu dilaksanakan di bawah satu akta Parlimen. Bagi maksud ini, satu **Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu** perlu disediakan. Pada masa ini, draf Rang Undang-Undang

berkenaan telah disiapkan oleh Kementerian dan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk dimuktamadkan sebelum dibentang di Parlimen. Hanya setelah Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Parlimen, maka Perbadanan berkenaan bolehlah ditubuhkan.

Selepas itu, Kerajaan akan melantik Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan - *Government Linked Companies (GLC)* sebagai pemaju bagi membangunkan Kampong Bharu.

Pada masa ini, Kementerian sedang di dalam proses untuk menjalankan dua kajian iaitu **Penilaian Hartanah Kampong Bharu** dan **Kajian Sosial Bagi Penduduk Kampong Bharu Terhadap Cadangan Pembangunan Semula Dan Inventori Guna Tanah Kampong Bharu Kuala Lumpur.** Penilaian Hartanah Kampong Bharu akan dijalankan oleh pihak Kerajaan dan Swasta. Manakala, Kajian Sosial Bagi Penduduk Kampong Bharu Terhadap Cadangan Pembangunan Semula Dan Inventori Guna Tanah Kampong Bharu Kuala Lumpur pula akan dijalankan oleh universiti tem patan yang dilantik.

Apabila Penilaian Hartanah tersebut siap kelak, maka nilai sebenar harta tanah di Kampong Bharu akan dapat diketahui. Kajian Sosial Bagi Penduduk Kampong Bharu Terhadap Cadangan Pembangunan Semula Dan Inventori Guna Tanah Kampong Bharu Kuala Lumpur pula akan memberi gambaran **mengenai kehendak sebenar pemilik tanah di Kampong Bharu.** Hanya apabila semua perkara telah pasti dan pengumpulan maklumat lengkap, **maka pada masa itu**

**dapatlah Kerajaan menganggarkan jumlah peruntukan sebenar bagi pembangunan semula Kampong Bharu.**

**PEMBERITAH  
U  
PERTANYAA  
N  
DEWAN  
RAKYAT,  
MALAYSIA**

PERTANYAAN  
DARIPADA

Y.B TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT

[KUALA TERENGGANU]

TARIKH  
SOALAN

24.11.2010 (RABU)

TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [ KUALA TERENGGANU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan sejauh mana kejayaan mengawal harga barang keperluan harian, khususnya harga barang kawalan, semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2010 dilaksanakan bermula 3 hingga 17 September 2010 berkuat kuasa selama 15 hari. Sebanyak 18 jenis barang telah diwartakan sebagai barang harga terkawal di mana harga maksimum borong dan runcit ditetapkan.

Berdasarkan pelaksanaan Skim ini sebanyak 72,145 premis perniagaan diperiksa di seluruh negara. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 153 kes telah dihasilkan di mana 2 kes melibatkan kesalahan menjual melebihi harga

maksimum, 57 kes melibatkan kesalahan tiada tanda harga dan 94 kes melibatkan tidak menggunakan tanda harga khas warna merah jambu. Sebanyak RM 15,555.00 kompaun ditawarkan dan sebanyak RM13,853.12 nilai rampasan dicatatkan.

Maklum balas daripada pemantauan harga yang dibuat oleh semua Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Negeri dan Daerah mendapati barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum borong dan runcit yang ditetapkan. Malahan, terdapat barang-barang berkenaan didapati dijual lebih rendah daripada paras harga maksimum di kebanyakan kawasan terutamanya di hypermarket.

Harga ladang dan borong yang rendah telah mendorong kepada harga jualan yang lebih rendah di peringkat runcit. Antara barang-barang harga terkawal yang dijual dengan harga lebih rendah di kebanyakan kawasan sepanjang Skim ini ialah ayam, telur ayam, daging lembu tempatan, kubis bulat import, cili merah, tomato dan kacang tanah.

Secara keseluruhan Skim ini berjalan dengan lancar. Peniaga dan pengguna berpuas hati dengan penetapan harga, perjalanan skim dan hasil penguatkuasaan.

SOALAN NO.

42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

TARIKH 24 NOVEMBER 2010 (RABU)

SOALAN

Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peserta yang dipilih untuk menyertai projek AZAM Tani dan nyatakan peruntukan yang diluluskan untuk pelaksanaan projek mengikut negeri-negeri.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, Program 1AZAM dilaksanakan kepada semua isi rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan sistem eKasih. Program ini memberi peluang kepada semua ketua isi rumah untuk meningkatkan pendapatan keluarga secara produktif dan seterusnya dapat mengeluarkan keluarga daripada kepompong kemiskinan. Kajian minat 1AZAM dilaksanakan terhadap semua ketua isi rumah bertujuan memastikan peserta memilih projek-projek yang bersesuaian dengan minat dan pengalaman masing-masing. Langkah ini penting demi pengekalan pelaksanaan projek serta memperoleh pendapatan yang lebih tinggi secara konsisten.

Tuan Yang di-Pertua,

Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Bagi Projek AZAM Tani, ia adalah sebuah projek yang memberi peluang kepada golongan miskin dan miskin tegar menyertai projek pertanian seperti tanaman sayuran, ternakan ayam kampung, perikanan, perniagaan hasil pertanian dan menghasilkan produk makanan berdasarkan pertanian. Objektif AZAM Tani adalah membantu mengeluarkan para peserta projek AZAM Tani daripada garis kemiskinan. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dilantik sebagai peneraju pelaksanaan Projek AZAM Tani berdasarkan kepakaran dan pengalaman Kementerian dalam pelaksanaan projek-projek pertanian bersama golongan berpendapatan rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian minat Program 1AZAM yang telah dijalankan terhadap ketua isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih di seluruh negara sehingga bulan Mei 2010, seramai 18,366 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar berminat mengikuti Program 1AZAM. Daripada jumlah ini seramai 10,536 Projek AZAM Tani, 1,045 minat Projek AZAM Kerja, 5,703 Projek AZAM Niaga dan 1,082 Projek AZAM Khidmat.

Tuan Yang di-Pertua,

Demi memastikan Projek 1AZAM khususnya AZAM Tani dilaksanakan sepenuhnya dan seterusnya dapat membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan taraf hidup mereka, Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan Program 1AZAM di seluruh negara. Peruntukan bagi setiap projek AZAM akan disalurkan kepada Kementerian atau agensi peneraju Projek AZAM. Bagi projek AZAM Tani, sebanyak RM40 juta telah disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk diagihkan kepada agensi-agensi pelaksana peringkat akar umbi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Peruntukan

Projek AZAM Tani yang diagihkan adalah mengikut bilangan peserta AZAM Tani yang telah dikenal pasti dan berdaftardi bawah sistem eKasih.



NO. AUM: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU  
[TELUK INTAN]**

**DARIPADA 24 NOVEMBER 2010**

**3111**

**TARIKH**

**RUJUKAN  
LISAN**

**SOALAN**

**Tuan Manogaran A/L Marimuthu [Teluk Intan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pada bulan Mei 2008 seorang warganegara Indonesia bernama Anuar Ahmad ditembak mati oleh Polis sebab disuspek penglibatan dalam penyalahgunaan dadah. Beliau memegang kad pengenalan Malaysia bermastautin tetap. Bagaimana kementerian boleh memberi kad pengenalan bermastautin tetap kepada seorang yang mempunyai rekod terlibat dengan dadah.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini pengeluaran kad pengenalan(MyPR) kepada pemastautin tetap bagi warganegara asing adalah berdasarkan Permit Masuk yang diperolehi oleh pemohon. Permohonan untuk mendapat Permit Masuk bagi warganegara asing antara syarat-syaratnya ialah hendaklah berkelakuan baik dan tidak terlibat dengan kesalahan jenayah atau aktiviti yang mengancamkan keselamatan negara. Semasa permohonannya untuk mendapatkan Permit Masuk, Anuar Ahmad didapati mematuhi syarat seperti yang dinyatakan tadi. Sekiranya selepas mendapat MyPR dan didapati pemegangnya melakukan kesalahan jenayah atau mengancamkan keselamatan negara, dia boleh diambil tindakan dibatalkan taraf sebagai pemastautin tetap negara ini oleh Ketua Pengarah Imigresen dan diusir keluar.